



suara eperolehan

<http://home.eperolehan.com.my/bm/press/suara2007.aspx>

April 2007 | Fasa 4 | Edisi 16

Ketua Redaksi

Pn Noor'aini Abdul Razak

Sidang Redaksi

Pn Norzalilah Mohd Mohktar

Cik Sarina Sabri

Pn Nor Mazita Shariff

En Madzli T. Othman

En Nor Azman Saat

Grafik & Rekabentuk

Cik Salinawati Sani

Transaksi ePerolehan mencecah RM2bilion pada 2006 dan dijangka RM3.0bilion pada 2007

Sistem ePerolehan (eP) telah berjaya merekodkan transaksi perolehan berjumlah RM2.006 bilion pada tahun 2006. Ini adalah peningkatan 100% berbanding RM1bilion pada tahun 2005. Untuk tahun 2007, Kerajaan telah mensasarkan transaksi perolehan berjumlah RM3.0bilion. Selain dari itu, Kementerian Kewangan juga telah menetapkan sasaran untuk mencapai pelaksanaan ePerolehan 100% pada tahun 2010, dengan meningkatkan pencapaian pelaksanaan eP disasarkan RM3bilion pada tahun 2007, RM5bilion pada tahun 2008 dan RM8bilion pada tahun 2009. Bagi memastikan matlamat ini dicapai, perancangan terperinci telah dirangka untuk mengenablekan 555 PTJ dan 20,000 pembekal setahun. Buat masa ini, hanya 1,098 PTJ yang telah dienable daripada 2,679 PTJ yang perlu dienable dan dari segi pembekal hanya 12,560 yang telah dienable berbanding dengan sejumlah 120,699 pembekal yang masih sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

Khidmat Bantuan ePerolehan



Tel: **03 7985 7888 / 7777**
Faks: **03 7985 7744**
Emel: **bantuanptj@eperolehan.com.my**
bantuan@eperolehan.com.my

Laman web: **www.eperolehan.com.my**



Perkhidmatan Terbaik
Tanggungjawab Kami

Unit ePerolehan
Kementerian Kewangan Malaysia
Blok Helang, Kompleks Pejabat & Villa
Cyberview Gardens
63000 Cyberjaya, Selangor
Tel: 03 8312 7270
Faks: 03 8312 2501

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
Tingkat Dua, Wisma Amtek
No. 15, Jalan Tandang
46050 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03 7985 7777
Faks: 03 7985 7800
Emel: bantuan@eperolehan.com.my



SASARAN TRANSAKSI MELALUI SISTEM ePEROLEHAN BAGI TAHUN 2007 MENGIKUT KEMENTERIAN

Sasaran transaksi melalui sistem ePerolehan sebanyak RM3 bilion yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan pada tahun 2007 telah dipecahkan mengikut 28 Kementerian berdasarkan peruntukan mengurus setiap Kementerian.

Pengguna sistem ePerolehan merupakan aset terpenting bagi memastikan kejayaan sistem ini dan semua Kementerian adalah terlibat secara langsung dalam memastikan sasaran ini dapat dicapai sepenuhnya. Kerjasama daripada semua Kementerian adalah amat kritikal dalam memastikan sasaran transaksi melalui ePerolehan dapat dicapai. Pecahan sasaran nilai transaksi mengikut Kementerian adalah seperti berikut:

KEMENTERIAN	LPO DISASARKAN (RM)	KEMENTERIAN	LPO DISASARKAN (RM)
JABATAN PERDANA MENTERI	262,666.55	KEMENTERIAN PENERANGAN	58,772.76
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	30,750.82	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	56,538.33
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	211,637.98	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	55,839.65
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN	59,770.08	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	10,048.00
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	66,230.32	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA	13,248.73
KEMENTERIAN KERJA RAYA	38,823.33	KEMENTERIAN PERTAHANAN	269,585.54
KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI	505,629.31	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA	147,231.61
KEMENTERIAN KESIHATAN	431,517.73	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	91,799.19
KEMENTERIAN KEWANGAN	178,893.49	KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	857.143
KEMENTERIAN LUAR NEGERI	16,736.32	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	53,218.40
KEMENTERIAN PELAJARAN	188,387.77	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	62,870.54
KEMENTERIAN PELANCONGAN	34,577.61	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	52,163.66
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI	21,811.81	KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI	9,971.42
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	61,681.43	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	8,740.51
		JUMLAH	3,000,000.00

SASARAN PEMBOLEHAN PTJ BAGI TAHUN 2007 (555 PTJ)

Secara kasarnya bilangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah dikenalpasti untuk menggunakan sistem ePerolehan ialah 2679 PTJ. Daripada jumlah ini, sebanyak 1058 PTJ telahpun diperbolehkan sebelum tahun 2007. Baki sebanyak 1621 PTJ yang masih belum diperbolehkan akan menuju ke arah tersebut mulai 2007 hingga 2009.

Bagi mencapai sasaran ini sebanyak 555 PTJ akan diperbolehkan setiap tahun sehingga semua PTJ di seluruh negara menggunakan sistem ePerolehan. Strategi yang telah diatur untuk menjayakan hasrat kerajaan ini adalah dengan memperkukuhkan program latihan kepada PTJ dengan mengadakan latihan secara bersepadu dan *fast track* dengan kerjasama dengan pihak INTAN dan CDC serta penekanan ke atas Kementerian supaya peka dan bekerjasama dengan Unit eP untuk memperbolehkan PTJ di bawah kementerian tersebut. Rancangan memperbolehkan PTJ di INTAN adalah berdasarkan kapasiti bilik latihan di INTAN seperti di bawah ini:

TEMPAT	BILANGAN PTJ
INTAN Kiara	15 PTJ x 10 sesi = 150 PTJ
INTAN Utara (INTURA)	20 PTJ x 6 sesi = 120 PTJ
INTAN Timur (INTIM)	20 PTJ x 5 sesi = 100 PTJ
INTAN Selatan (IKWAS)	15 PTJ x 7 sesi = 105 PTJ
INTAN Sabah	13 PTJ x 5 sesi = 65 PTJ
INTAN Sarawak	13 PTJ x 5 sesi = 65 PTJ
JUMLAH PTJ	605 PTJ

Sasaran pembolehan 555 PTJ seluruh negara tahun 2007

JADUAL LATIHAN ePEROLEHAN (eP) BERSEPADU DI INTAN

Bagi merealisasikan penggunaan ePerolehan adalah menyeluruh di antara Kementerian/Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh negara, satu kerjasama dengan pihak INTAN telah dibuat. Kerjasama ini dibuat setelah mencapai persetujuan antara pihak Unit eP, INTAN dan Sykt. Commerce Dot Com (CDC) melalui beberapa mesyuarat yang telah diadakan bagi membincangkan segala tindakan yang perlu dibuat bagi memperluaskan penggunaan sistem ePerolehan melalui latihan-latihan yang diadakan di bilik latihan INTAN seluruh Negara. Sehubungan dengan itu Unit eP dan CDC hanya perlu menyediakan fasilitator untuk mengendalikan latihan manakala pihak INTAN menyediakan keperluan seperti bilik latihan, tempat penginapan, makanan dan lain-lain keperluan berkaitan. Berikut merupakan jadual latihan sepanjang tahun

BULAN	TARIKH MENGIKUT TEMPAT (INTAN)					
	INTAN KIARA	INTIM	INTURA	IKWAS	INTAN SBH	INTAN SWK
JANUARI	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA
FEBRUARI	13/02 - 16/02	TIADA	12/02 - 15/02	27/02 - 02/03	TIADA	TIADA
MAC	13/03 - 16/03	12/03 - 15/03	TIADA	27/03 - 30/03	13/03 - 16/03	13/03 - 16/03
APRIL	17/04 - 20/04	TIADA	16/04 - 19/04	TIADA	10/04 - 13/04	10/04 - 13/04
MEI	15/05 - 18/05	28/05 - 31/05	TIADA	28/05 - 31/05	08/05 - 11/05	15/05 - 18/05
JUN	05/06 - 08/06	25/06 - 28/06	18/06 - 21/06	TIADA	05/06 - 08/06	19/06 - 22/06
JULAI	03/07 - 06/07	TIADA	TIADA	30/07 - 02/08	10/07 - 13/07	17/07 - 20/07
	24/07 - 27/07					
OGOS	14/08 - 17/08	13/08 - 16/08	13/08 - 16/08	27/08 - 30/08	TIADA	TIADA
SEPTEMBER	11/09 - 14/09	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA
OKTOBER	TIADA	TIADA	TIADA	30/10 - 02/11	TIADA	TIADA
NOVEMBER	13/11 - 16/11	TIADA	19/11 - 22/11		TIADA	TIADA
				20/11 - 23/11		
DISEMBER	TIADA	10/12 - 13/12	10/12 - 13/12	TIADA	TIADA	TIADA

** Kehadiran Kementerian/jabatan ke sesi latihan ini adalah atas jemputan pihak Unit eP

SESI BRAINSTORMING
ePELAKSANAAN ePEROLEHAN TAHUN 2007
DI ANTARA GOVERNMENT TEAM (GTM)
DAN COMMERCE DOT COM SDN BHD (CDC)


Misi pelaksanaan ePerolehan tahun 2007 adalah memperlengkapkan modul-modul sistem ePerolehan dan meningkatkan penggunaan di Kementerian / Jabatan dengan mencapai jumlah nilai transaksi perolehan melalui sistem eP sehingga RM3billion iaitu anggaran 30% dari jumlah keseluruhan perolehan pada tahun 2010.


Sehubungan itu, bagi mencapai matlamat ini satu sesi *brainstorming* telah diadakan antara pihak GTM dan CDC pada 6 Februari 2007 di Hotel Summit, USJ. Sesi ini dijalankan bagi membincangkan lima asas strategik bagi mencapai misi pelaksanaan tahun 2007. Lima asas strategik yang telah dibincangkan adalah :

1. Meningkatkan jumlah penggunaan bagi semua modul dalam sistem ePerolehan;
2. Meningkatkan jumlah PTJ yang eP *enabled* dan bertransaksi serta pembekal eP *Enabled*;
3. Memperkukuhkan program *Change Management* dan *Transfer of Ownership* di semua kementerian;
4. Mempertingkatkan perancangan dan pemantauan integrasi sistem ePerolehan dan aplikasi pihak Ke-3 (3rd Party Dependencies); dan
5. Mempertingkatkan kualiti operasi dalaman dan memperkukuhkan *Smart Partnership* dengan pihak CDC



Kerajaan yakin dengan pengenalpastian asas-asas strategik dan kaedah pelaksanaannya maka misi pelaksanaan ePerolehan tahun 2007 akan dapat dicapai.





Nota:
 ** Menanggung Kerja

Dikemaskini Pada 27 Februari 2007

Pelaksanaan SRV3 Menyediakan Perkhidmatan Pendaftaran Pembekal Yang Dinamik

Pendaftaran Pembekal (atau lebih dikenali sebagai *Supplier Registration* - SR) adalah merupakan satu proses permulaan bagi pembekal-pembekal Kerajaan bertransaksi dengan Sistem ePerolehan. Modul SR telah dilancarkan pada bulan Oktober tahun 2000 untuk pembekal-pembekal yang ingin berdaftar dengan Kerajaan mengemukakan permohonan. Berbeza dengan proses sebelum itu, Modul SR menyediakan sistem yang berautomasi sepenuhnya secara atas talian menggunakan Internet dari peringkat mula hingga akhir.

Fungsi utama yang disediakan oleh Modul SR termasuk:

- i) Penyerahan Permohonan
- ii) Proses Pengesahan
- ii) Proses Kelulusan
- iv) Pengeluaran Sijil
- v) Permohonan Pembaharuan
- vi) Permohonan Tambahan Bidang, dan
- vii) Proses Disiplin

Sejak pelaksanaan Modul SR sehingga bulan Februari 2007, sebanyak 120,406 pembekal telah mendaftar melalui sistem ePerolehan. Kadar purata penerimaan permohonan harian pula telah meningkat dari masa ke semasa, seperti berikut:

2004	70 permohonan sehari
2005	90 permohonan sehari
2006	120 permohonan sehari


Penambahbaikan yang diambilkira untuk SRV3 adalah merangkumi semua aspek termasuk komponen- komponen berikut:

- i) Antaramuka Sistem
- ii) Aliran Proses
- iii) Antaramuka Pengguna
- iv) Rekabentuk Aplikasi

Untuk menentukan urusan pendaftaran pembekal yang disediakan melalui SRV3 beroperasi dengan lebih berkesan disamping meningkatkan produktiviti kedua-dua pihak, iaitu pembekal dan pengguna Kementerian Kewangan sendiri, ciri-ciri tambahan berikut juga diperkenalkan seperti, ID log masuk tunggal, syarat dan terma pendaftaran yang informatif, garispanduan sebelum permulaan pendaftaran, seksyen perlu dilengkapkan yang jelas dan tersusun, antaramuka pengguna yang mesra pelanggan, tiada medan berulang malah data lama dilengkapkan secara automatik dan pilihan untuk penyerahan dokumen sokongan secara atas talian.

Dari segi fungsi, SRV3 menggunakan pendekatan rekabentuk yang baru dengan menggunakan konsep submodul untuk memudahkan urusan pembangunan dan penyenggaraan aplikasi termasuk keperluan pindaan masa akan datang.

Nota : Fungsi berwarna merah adalah merupakan fungsi baru.




Aktiviti ePerolehan oleh Kementerian bagi Tahun 2007

Bulan / Tahun	Minggu	Diari Aktiviti ePerolehan mengikut Kementerian
Januari 2007	Minggu 1	
	Minggu 2	
	Minggu 3	Mesyuarat Pasukan Pelaksana Bil 1/2007 Kementerian Pembangunan Usahawan Taklimat Sebuttharga dan Tender Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi
	Minggu 4	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Pengajian Tinggi Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Pengangkutan Naziran Pasukan Petugas eP ke PTJ Kementerian Pelajaran (Selangor dan WP)
	Minggu 5	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN)
Februari 2007	Minggu 6	<i>Mandatori Handholding</i> bagi PTJ Kementerian Pelajaran Mesyuarat Pasukan Petugas/ Pelaksana Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Taklimat Penggunaan eP Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Taklimat Penggunaan eP Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Mesyuarat Penggunaan Sebuttharga & Tender Jabatan Audit Negara
	Minggu 7	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Keselamatan Dalam Negeri Mesyuarat Pelaksanaan Tender bagi Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Mesyuarat Pasukan Pelaksana Bil 2/2007 Kementerian Pembangunan Usahawan Taklimat Pembekal ePerolehan Kementerian Pengajian Tinggi
	Minggu 8	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Penerangan
	Minggu 9	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Pelajaran Mesyuarat Pasukan Petugas Jabatan Perdana Menteri Taklimat Pembekal ePerolehan dan Pelancaran Kaunter Perkhidmatan eP di Kementerian Pembangunan Usahawan
Mac 2007	Minggu 10	
	Minggu 11	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Kerjaraya Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan
	Minggu 12	
	Minggu 13	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Kesihatan Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Kewangan Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Pertanian Asas Tani Malaysia
April 2007	Minggu 14	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Pertahanan Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Belia & Sukan Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Wilayah Persekutuan
	Minggu 15	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Sumber Manusia
	Minggu 16	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Taklimat Sebuttharga, Tender dan Kontrak Kementerian KHEDN Majlis Perhargaan PTJ dan Pelancaran eBidding KHEDN Taklimat Pembekal ePerolehan Kementerian Pertanian Asas Tani Malaysia Taklimat Pelaksanaan ePerolehan PTJ Kementerian Pelajaran
	Minggu 17	

Soalan – soalan lazim PTJ

1. Bagaimanakah caranya untuk memohon kad pintar?
Isikan butir-butir pengguna di Borang Pengguna ePerolehan (Lampiran B) berserta salinan kad pengenalan ke alamat seperti di bawah :
**Government Integrated Network Telecommunication (GITN) Sdn. Bhd.
Tingkat 30 & 31 Menara Telekom, Jalan Pantai Baru, 50672 Kuala Lumpur
(Unit Pendaftaran Kad Pintar)**
Salinan Borang Pengguna ePerolehan (Lampiran B) hendaklah difakskan beserta salinan kad pengenalan ke 03-79857744 untuk tujuan muatnaik profil pengguna di sistem ePerolehan.
2. Bagaimanakah caranya untuk mencari item untuk pembelian atas talian?
Log masuk sebagai Peminta dan ikuti langkah-langkah di bawah:
**Tadbir Pesanan – Carian Katalog – Carian Parametrik/Carian Lanjutan
– Masukkan maklumat carian dan klik Cari – Pilih Pembekal.**
3. Bagaimanakah caranya untuk membuat semakan status Pesanan Kerajaan?
Log masuk sebagai mana-mana peranan dan ikuti langkah-langkah di bawah:
Tadbir Pesanan – Carian Pelbagai – Pilih Jenis Dokumen – Masukkan maklumat dokumen atau tarikh diterima dan pilih status dokumen – Klik Cari.
4. Bagaimanakah caranya untuk melakukan penugasan semula?
Log masuk sebagai Pegawai Sokongan PTJ dan ikuti langkah-langkah di bawah:
PTJ – Penugasan Semula PTJ – Pilih tugas untuk serahan semula dan pegawai berkenaan.
5. Bagaimanakah caranya untuk membatalkan Pesanan Kerajaan?
Log masuk sebagai Pelulus dan ikuti langkah-langkah berikut:
Tadbir Pesanan – Pembatalan Pesanan Kerajaan/Perkhidmatan – Pilih Jenis Pesanan dan Status Pesanan – Klik Cari. Pilih Pesanan yang ingin dibatalkan di Buletin Tindakan dengan menekan butang **Batal** di ruang Tindakan Diperlukan.
Perhatian: Hanya Pesanan Kerajaan berstatus Menunggu Pembekalan atau sebelumnya dan Pesanan Perkhidmatan (luar talian) berstatus Menunggu Kemaskini Nota Perlaksanaan Perkhidmatan atau sebelumnya boleh dibatalkan. Untuk Pesanan Perkhidmatan (atas talian) hanya pesanan berstatus Menunggu Perkhidmatan Atas Talian dan sebelumnya boleh dibatalkan.
6. Pesanan Kerajaan dalam Buletin Tindakan telah dibatalkan secara automatik, apakah yang perlu saya lakukan?
Pembatalan secara automatik berlaku kerana sistem ePerolehan tidak menerima maklumbalas dari sistem eSPKB dalam masa 2 minit untuk kemaskini buku VOT. Pelulus perlu melulus semula Permintaan dan sistem ePerolehan akan memaparkan nombor pesanan baru.





Kelebihan ePerolehan ePerolehan Advantages



Tiada lagi borang merumitkan

- menyokong katalog produk elektronik
- membuat dan memenuhi pesanan dan pembayaran, semuanya secara online

No more forms

- supports the electronic product catalogue
- create and fulfill order and payment, all online



Pantas dan Cepak

- mudah
- menjimatkan masa dan tenaga kerja

Fast and Efficient

- easy
- save time and labour cost

SALINAWA
COMMERCE DOT COM

00000003B



MyeP

THE MALAYSIAN MSC & GOVERNMENT FLAGSHIP PROJECT



Terjamin dan Selamat

- Penggunaan kad pintar dan sijil digital

Safe and Secure

- smart card and digital certificate

commerce dot com sdn. bhd.

tingkat dua, wisma amtek
no. 15 jalan tandang
46050 petaling jaya
selangor darul ehsan

tel: 03-7985 7700 faks: 03-7985 7800

laman web: www.eperolehan.com.my

commercedotcom

